

YAYASAN ISLAM KELANTAN KELANTAN ISLAMIC FOUNDATION

Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan,
Peti Surat 248, Lebuhraya Tunjung - Pasir Mas,
16010 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.
Tel : 09-712 6315, 712 6933 & 712 8144
09-712 6040 (Lembaga Peperiksaan) Fax : 09-712 7806
E-mel : yik@kelantan.gov.my Laman Web : www.yik.edu.my



المؤسسة الإسلامية بـكـلنتان

كومفليكس فنتدبيرن ياياسن اسلام كلنتن،
فتي سورت 248، ليهو راي تونجوع - فاسير مس،
16010 كوتا بهارو، كلنتن دار النعم.
تيليفون: 09-7126315 & 7126933 . 7128144
09-7126040 (لمباك قريقتساان) فکس: 09-7127806
اي ميل: yik@kelantan.gov.my لامن ويب: www.yik.edu.my

Ruj. Kami : YIK/400-5/1/7 (76)
Bertarikh : 21 Syaaban 1447H
Bersamaan : 09 Februari 2026

YBrS Pengetua / Sheikh / Guru Besar
Kolej / Maahad / Pusat Pengajian Pondok
SMU(A)
Yayasan Islam Kelantan

Tuan / Puan,

MAKLUMAN PENGGALAKKAN PEMBAYARAN YURAN PERSEKOLAHAN DAN ASRAMA SECARA DALAM TALIAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa **Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalam Yayasan Islam Kelantan (YIK) Bil. 4/2025** yang bersidang pada **19 November 2025** telah bersetuju supaya **pembayaran yuran persekolahan dan asrama digalakkan untuk dilaksanakan secara dalam talian** bagi memastikan sistem pengurusan yuran yang lebih teratur dan cekap.

3. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah adalah **digalakkan** untuk melaksanakan serta mempromosikan **kaedah pembayaran yuran secara dalam talian** sebagai kaedah pembayaran utama selain pembayaran secara tunai. Antara kaedah pembayaran yang boleh digunakan adalah seperti berikut:

- Perbankan Internet (FPX);
- Pemindahan dalam talian (online-transfer); atau
- Platform pembayaran digital lain yang diluluskan


4. Bagi tujuan rekod, pengesahan bayaran dan pengeluaran resit rasmi sekolah, ibu bapa atau penjaga hendaklah mengemukakan bukti pembayaran kepada **pihak sekolah melalui kaedah** yang ditetapkan oleh sekolah masing-masing.

5. Pihak sekolah hendaklah mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan **hebahan dan penerangan berhubung kaedah pembayaran ini disampaikan dengan jelas** kepada ibu bapa dan penjaga, sama ada melalui surat makluman atau saluran yang bersesuaian.

6. Kerjasama dan perhatian daripada pihak Tuan / Puan dalam melaksanakan makluman ini amatlah dihargai demi kelancaran pengurusan kewangan sekolah-sekolah di bawah seliaan Yayasan Islam Kelantan.
Sekian, terima kasih.

“ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT”
“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT”

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI SHAMSUL BIN ABU BAKAR)
Pegarah
Yayasan Islam Kelantan

ued03/document/5-suratmenyurataudit